



# ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

## STRATEGI & PELAN TINDAKAN 2020



T  
A  
H  
  
F  
  
[REDACTED]

“

*Mengambil berat perkara disiplin bererti menjaga sebahagian dari kebajikan anggota ABDB. Mereka tidak diragukan lagi adalah aset utama ABDB. Oleh itu, tahap moral setiap anggota perlu dijaga, jangan ia merosot. Jika tahap moral itu rendah, maka padahnya boleh menjaskan sumbangan anggota terhadap organisasi pertahanan.*

”

TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA KEBERANGKATAN LAWATAN KERJA KE ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI PADA HARI KHAMIS, 26 MUHARRAM 1441 BERSAMAAN DENGAN 26 SEPTEMBER 2019

Diterbitkan oleh Kementerian Pertahanan, Brunei Darussalam

© Kementerian Pertahanan, Brunei Darussalam, 2020

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

Cetakan Pertama 2020

Atur Huruf oleh Kementerian Pertahanan,  
Negara Brunei Darussalam

Dicetak oleh Juta Jaya Printing Company Sdn Bhd.

# KANDUNGAN

ISI

- 2 KEBAJIKAN ABDB**
- 3 DEMOGRAFI KAJI SELIDIK**
- 5 PERUMAHAN ABDB**
- 7 MES & BEREK BUJANG**
- 10 KEMUDAHAN PERKHIDMATAN**
- 12 KELENGKAPAN BERTUGAS**
- 15 KEWANGAN**
- 18 HALA TUJU**

# BAB

PENGERTIAN  
KEPENTINGAN  
DEMOGRAFI KAJI SELIDIK




## PENGERTIAN

**"JAMINAN SOSIAL YANG  
DISEDIAKAN KEPADA  
ANGGOTA-ANGGOTA ABDB  
BERUPA KEISTIMEWAAN  
DAN KESEJAHTERAAN BAGI  
KEBERKESANAN OPERASI  
YANG OPTIMUM".**

## KEPENTINGAN

Memastikan kecekapan urusan pentadbiran yang berhubung kait dengan kesejahteraan anggota dari segi kesihatan dan prestasi.

# DEMOGRAFI KAJI SELIDIK



Penyertaan anggota-anggota bagi kaji selidik kebijakan pada bulan Disember 2019 adalah sangat positif dan di luar jangkaan. Hasil daripada kaji selidik tersebut, beberapa faktor telah dikenal pasti sebagai penyumbang kepada isu-isu kebijakan. Hal ini membantu ABDB untuk menumpukan usaha ke arah merangka strategi-strategi yang diperlukan dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

# 2

BAB


PERUMAHAN ABDB

MES & BEREK BUJANG




**1723**


**RESPONDEN SUDAH  
BERUMAH TANGGA**



PENGGUNA PERUMAHAN ABDB.



**80% PENGGUNA TIDAK BERPUAS HATI DENGAN KHIDMAT KERJA-KERJA PEMULIHARAAN.**



**HANYA 29% YANG DALAM KEADAAN BAIK.**


# **PERUMAHAN ABDB**

## **KEISTIMEWAAN BAGI ANGGOTA-ANGGOTA TENERA YANG SUDAH BERUMAH TANGGA.**

Anggota-anggota ABDB yang sudah berumah tangga adalah layak untuk memohon perumahan ABDB. Faedah yang diperolehi termasuk jaminan keselamatan keluarga, kemudahan ulang alik ke tempat bekerja, dan membantu menjimatkan kos perbelanjaan kewangan anggota. Walau bagaimanapun, hasil kaji selidik menyatakan bahawa terdapat beberapa kelemahan seperti keadaan perumahan yang kurang kondusif dan kerja-kerja pemuliharaan yang kurang memuaskan telah menimbulkan menimbulkan isu keselamatan dan sekuriti terhadap pengguna.

# STRATEGI & PELAN TINDAKAN

## KE ARAH KEDIAMAN YANG KONDUSIF



**MENGKAJI  
DASAR  
PERUMAHAN**

**PROSES  
PERMOHONAN  
YANG EFISIEN**

**RUMAH KELAMIN  
YANG KONDUSIF**

Penggunaan One-Form System telah dikuatkuasakan oleh Pejabat Perumahan, Jabatanarah Lojistik bagi pengurusan permohonan-permohonan perumahan dengan lebih teratur. Sebagai tambahan, sistem pangkalan data (*database*) juga akan diperkenalkan bagi membantu meningkatkan kualiti pengurusan dan perancangan perumahan.

ABDB juga telah mempertimbangkan untuk menyediakan perumahan alternatif untuk anggota yang sudah berumah tangga di luar perkhemahan tentera secara berkontrak semasa kerja-kerja pemuliharaan dilakukan pada perumahan yang ada di bawah jagaan ABDB. Di samping itu, ia akan membantu ABDB untuk mengurangkan tempoh menunggu perumahan. Dengan ini, diharapkan agar Projek Rehabilitasi Perumahan ABDB dapat menarik lebih banyak permohonan rumah kelamin pada masa akan datang.



**SISTEM  
PEMANTAUAN  
BERSEPADU**

Sistem Pangkalan Data Perumahan ABDB yang berpusat



**PROGRAM  
PERUMAHAN  
ALTERNATIF**

Opsyen Perumahan di luar perkhemahan



**PROJEK  
REHABILITASI  
DALAM  
PERKHEMahan**

Projek kerja-kerja pemuliharaan rumah kelamin yang ekstensif



**PROGRAM  
PEMULIHARAAN**

Memperkenalkan platform tambahan bagi aduan & pertanyaan kerja-kerja pemuliharaan

# MES & BEREK BUJANG

MENCERMINKAN IDENTITI,  
MENINGKATKAN PERPADUAN  
& *ESPRIT DE CORPS*.

Dengan adanya penyediaan perumahan untuk anggota yang sudah berumah tangga, anggota yang bujang juga berkelayakan menerima kemudahan kediaman. Walau bagaimanapun, pada masa ini, terdapat kekurangan dari segi kemudahan dan keadaan kediaman yang kurang kondusif bagi anggota-anggota bujang ABDB.

**25%**

BERKELAYAKAN  
MENGINAP DI MES &  
BEREK BUJANG

**60%**

RESPONDEN YANG BERKELAYAKAN MENGGUNAKAN  
MES & BEREK BUJANG.

**26%**

BERPENDAPAT BAHAWA MES & BEREK BUJANG  
BERADA DALAM KEADAAN BAIK.

**77%**

TIDAK BERPUAS HATI DENGAN KERJA-KERJA PEMULIHARAAN.



# **STRATEGI & PELAN TINDAKAN**

## **KE ARAH KEDIAMAN YANG KONDUSIF.**

Strategi yang serupa juga sedang diusahakan ke arah meningkatkan kualiti pengurusan mes & berek bujang. Di samping itu, beberapa inisiatif telah diusahakan seperti pembinaan mes dan berek bujang yang baharu. Selain itu, ABDB juga telah mempertimbangkan untuk menyediakan perumahan alternatif bagi anggota-anggota bujang ABDB di luar perkhemahan tentera secara berkontrak semasa kerja-kerja pemuliharaan dilakukan.

Di samping itu juga, anggota-anggota yang mendiami mes & berek bujang akan menerima kerja-kerja pemuliharaan yang responsif.

Sistem pangkalan data (*database*) yang telah diperkenalkan juga akan membantu meningkatkan kualiti pengurusan dan perancangan kediaman bagi anggota-anggota bujang ABDB pada masa akan datang.



### **JANGKA PENDEK**

- Sistem Pangkalan Data Perumahan ABDB yang berpusat



### **JANGKA SEDERHANA**

- Meneroka opsyen-opsyen kediaman anggota-anggota bujang ABDB di luar perkhemahan
- Pelan pemuliharaan kepada mes dan barek bujang yang sedia ada



### **JANGKA PANJANG**

- Pembinaan mes & barek bujang baharu

BAB

3

KEMUDAHAN PERKHIDMATAN

&

KELENGKAPAN BERTUGAS





# KEMUDAHAN PERKHIDMATAN

**KESIHATAN MENTAL, ROHANI & FIZIKAL MEMAINKAN PERANAN PENTING BAGI KESEJAHTERAAN ANGGOTA.**

85% responden menggunakan sekurang-kurangnya 4 daripada 8 kemudahan yang disediakan di dalam perkhemahan seperti dewan gerak badan, kolam renang, padang bola sepak, surau, sekolah, klinik kesihatan, perkhidmatan pergigian dan KOWIRA. Walau bagaimanapun, sebilangan responden berkeinginan untuk menggunakan kemudahan olahraga dalam jangka waktu yang lama. Selain itu, majoriti responden juga menyatakan ketidakpuasan hati dengan kerja-kerja pemuliharaan kemudahan yang disediakan.


Setiap perkhemahan yang ada dalam perkhemahan ABDB seharusnya mempunyai kemudahan olahraga yang lengkap seperti padang bola, kolam renang, balapan dan padang dan gimnasium. Walau bagaimanapun, beberapa kemudahan tersebut masih belum mencukupi jika dibandingkan dengan kemudahan yang terdapat di Akademi Pertahanan ABDB, Tanah Jambu.



Hasil daripada kaji selidik, ABDB akan menguruskan peruntukan kewangan dengan mengutamakan kerja-kerja pemuliharaan disamping menyediakan kemudahan-kemudahan tambahan. Oleh itu, anggota-anggota ABDB diingatkan untuk tidak menyalahgunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan itu nanti.

ABDB juga akan memperkenalkan dan memperluaskan beberapa kemudahan seperti '*Priority Parking*' untuk anggota-anggota wanita ABDB yang hamil dan juga anggota-anggota ABDB yang kurang upaya.

# PENGGUNAAN KEMUDAHAN



## STRATEGI & PELAN TINDAKAN

KE ARAH KEMUDAHAN KEMUDAHAN  
PERKHEMahan YANG LEBIH MAMPAH  
& BERKESAN BAGI SEMUA ANGGOTA

01

PROJEK KERJA-KERJA  
PEMULIHARAAN

02

PROGRAM KEMUDAHAN-  
KEMUDAHAN  
PERKHEMahan TAMBAHAN

# KELENGKAPAN BERTUGAS

**KEPERLUAN HARIAN UNTUK MEMASTIKAN PRODUKTIVITI DAN KECEKAPAN BERTUGAS.**

Bekalan pejabat yang betul dan tersedia adalah mustahak dalam menjalankan kerja pejabat. Bekalan asas seperti pen, kertas, pencetak, fail dan peralatan kelengkapan pejabat yang betul dan mencukupi adalah penting bagi memastikan tugas-tugas harian pejabat berjalan dengan lancar. Akan tetapi, 55% responden menyatakan bahawa kelengkapan pejabat masih tidak mencukupi bagi keperluan yang dimaksudkan.



# STRATEGI & PELAN TINDAKAN

**KE ARAH KELENGKAPAN PEJABAT YANG LEBIH MAMPAN DAN EFISIEN.**


ABDB merancang untuk memperluaskan pembekalan secara kontrak yang berterusan daripada syarikat-syarikat pembekal bagi memastikan proses dan perkhidmatan pembekalan yang lebih mampan. Di antara kontrak-kontrak pembekalan tersebut termasuk kontrak kelengkapan pejabat dan juga kontrak perkhidmatan seperti tukang jahit dan dobi.

Penilaian logistik yang berterusan dari semasa ke semasa juga adalah sangat penting bagi memantau kelengkapan pejabat yang berdaya tahan. Ia mengambil kira bekalan dan keperluan mengikut perubahan teknologi semasa.



Di samping itu juga, pendidikan dan pendedahan anggota-anggota mengenai tatacara permintaan bekalan dan perkhidmatan yang betul memainkan peranan utama bagi mengekalkan kecekapan proses pembekalan sesebuah organisasi. Salah satu inisiatif yang diselenggarakan adalah seperti mengadakan modul pembelajaran khas di Sekolah Pertukangan Tentera, Institut Latihan ABDB.

## MESYUARAT KUMPULAN KERJA



## PROGRAM KELENGKAPAN PEJABAT



## PROGRAM PERKHIDMATAN



## PROGRAM PENDIDIKAN DAN PENDEDAHAN



# 4

## BAB

# KEWANGAN






# KEWANGAN

## HAK DAN KEISTIMEWAAN ANGGOTA.

ABDB memahami bahawa setiap anggota ABDB mempunyai latar belakang yang berbeza ke arah mencapai keperluan kewangan individu yang stabil. 54% responden menyatakan ketidakpuasan hati mengenai tatacara pengurusan kewangan dan prosesnya serta ada kalanya mereka kurang mengetahui akan status permohonan dan tuntutan mereka.



53% RESPONDEN TIDAK MENGETAHUI MENGENAI INSURAN ABDB.



60% RESPONDEN TIDAK BERPUAS HATI DENGAN PEMPROSESAN KEWANGAN ABDB.


# **STRATEGI & PELAN TINDAKAN**

**KE ARAH EKOSISTEM KEWANGAN YANG CEKAP & MAMPAN.**

ABDB merancang untuk menangani isu ini melalui dua kaedah:

- Kaedah pensejajaran proses dan prosedur perkhidmatan tuntutan kewangan yang lebih mampan dan efisien. Penambahan perjawatan anggota-anggota kewangan di setiap unit ABDB bagi menampung keperluan anggota-anggota ABDB yang semakin bertambah.
- Pendidikan dan pendedahan anggota-anggota akan perkhidmatan kewangan melalui taklimat-taklimat dan bengkel-bengkel kewangan yang berterusan. Di samping itu juga, khidmat nasihat-nasihat kewangan juga akan diperkenalkan di Pusat PRIHATIN ABDB bagi membantu pengurusan kewangan anggota-anggota jika diperlukan.

ABDB juga akan memeriksa dan mengaudit proses dan prosedur dari semasa ke semasa untuk mengenal pasti kekurangan yang dapat diperbaiki bagi memastikan kualiti perkhidmatan secara berterusan.



**STRUKTUR  
ORGANISASI &  
PENINGKATAN SISTEM**



**SISTEM  
PEMANTAUAN &  
MAKLUM BALAS**



**PROGRAM  
PENDIDIKAN &  
PENDEDAHAN**



HALA TUJU




# HALA TUJU

**KE ARAH DASAR & STRATEGI KESEJAHTERAAN YANG MAMPAK, EFEKTIF & EFISIEN BAGI MEMASTIKAN SISTEM KESEJAHTERAAN YANG BERDAYA TAHAN UNTUK ANGGOTA-ANGGOTA ABDB.**

Isu kesejahteraan merupakan isu yang akan sentiasa di hadapi oleh mana-mana organisasi tidak terkecuali ABDB. Pelbagai usaha telah diselenggarakan bagi menangani isu-isu tersebut. Walaun bagaimanapun, ABDB perlu mengatur strategi dari masa ke semasa dengan mengikuti perkembangan landskap sosio-ekonomi yang dinamik bagi memastikan kesejahteraan anggota-anggota sentiasa dikemaskini.

Strategi-strategi dan pelan-pelan tindakan yang telah diatur diharap akan dapat melengkapkan sistem kebijakan yang sedia ada. Dengan adanya perlaksanaan strategi-strategi dan pelan-pelan tindakan itu nanti, ia boleh membantu ABDB untuk mengendalikan proses dengan lebih efisien, memberikan tindak balas yang lebih responsif dan memastikan suara anggota-anggota didengar serta diambil tindakan sewajarnya. Secara menyeluruh, inisiatif-inisiatif yang telah dinyatakan bertujuan untuk memberikan asas sistem kebijakan yang kukuh dan berdaya tahan pada masa akan datang.





Sila imbas kod  
QR untuk layari  
laman sesawang



HUBUNGI PUSAT PRIHATIN  
2386143



PUSATPRIHATIN@MINDEF.GOV.BN



LAYARI  
[WWW.MINDEF.GOV.BN](http://WWW.MINDEF.GOV.BN)



@MINDEFBRUNEI